

INSTRUMEN KEBERHASILAN PENGETUA DAN GURU BESAR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DNA PENILAIAN KOMPETENSI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN KEBERHASILAN
KUMPULAN KEPIMPINAN PENGETUA DAN GURU BESAR

NAMA CALON _____
SEKOLAH _____
SESI PENILAIAN _____ GRED _____ TARIKH _____

BIL	PERKARA	KT	S	KB	Skor
1.0	KURIKULUM				
1.1	Peperiksaan ¹				
1.2	Murid gagal 1 mata pelajaran ²				
2.0	KOKURIKULUM (guru)				
2.1	Bukan Dan Permainan ¹				
2.2	Koekademik ¹				
2.3	Unit Beruniform ¹				
3.0	HAL EHWAL MURID				
3.1	Disiplin Murid ¹ (PAP)				
3.2	Kehadiran Murid ¹ (PAP)				
4.0	GURU (EMIS)				
4.1	Kehadiran ²				

CATATAN

KT - Kitaran Terdehulu (TOV – Take of Value)
S - Sasaran (ETR– Estimated Target Result)
KB - Kitaran Semasa (AR– Acquired Result)

Skor

- 1 = Tidak Mencapai Sasaran (beza yang kurang (negatif) adalah melebihi 10%/0.1)
- 2 = Hampir Mencapai Sasaran (beza yang kurang (negatif) adalah dalam julat 3% hingga 10%/0.03-0.1)
- 3 = Mencapai Sasaran (beza adalah dalam julat kurang/lebih 3% ($\pm 3\%/0.03$))
- 4 = Melempi Sasaran (beza yang lebih adalah melebihi 3%/0.03)

Skor = KB – S
Hasil banding dengan S

PENGEBAHAN

Penilai 1

Tandatangan _____
Nama _____
Tarikh _____

Pengerusi JK Kompetensi Organisasi

Tandatangan _____
Nama _____
Tarikh _____

Penjaja:
1 - GPG (Gred Pustaka Sekolah)
2 - Penasih
* Near Masa Lulus

BIL	PERKARA	KT	S	KS	Skor
1.0	KURIKULUM				
1.1	Peperiksaan ¹				
1.2	Murid gagal 1 mata pelajaran ²				
2.0	KOKURIKULUM (SKPM 2010)				
2.1	Sukan Dan Permainan ¹				
2.2	Koakademik ¹				
2.3	Unit Beruniform ¹				
3.0	HAL EHWAL MURID				
3.1	Disiplin Murid ² (SSDM)				
3.2	Kehadiran Murid ² (APDM)				
4.0	GURU (EMIS)				
4.1	Kehadiran ²				

CATATAN

Petunjuk:

- 1 - GPS (Gred Purata Sekolah)
- 2 - Peratus
- * Near Miss Lulus

- KT - Kitaran Terdahulu (TOV – *Take off Value*)
- S - Sasaran (ETR– *Estimated Target Result*)
- KS - Kitaran Semasa (AR– *Acquired Result*)

Skor

- 1 = Tidak Mencapai Sasaran (*beza yang kurang (negatif) adalah melebihi 10%/0.1*)
- 2 = Hampir Mencapai Sasaran (*beza yang kurang (negatif) adalah dalam julat 3% hingga 10%/(0.03-0.1)*)
- 3 = Mencapai Sasaran (*beza adalah dalam julat kurang/lebih 3% ($\pm 3\%/ \pm 0.03$)*)
- 4 = Melepassi Sasaran (*beza yang lebih adalah melebihi 3%/0.03*)

Skor = KS – S

▶ Hasil dibanding dengan S

PENGESAHAN

Penilai 1

Tandatangan :.....

Nama
:.....

Tarikh :
.....

Pengerusi JK Kompetensi Organisasi

Tandatangan :.....

Nama :.....

Tarikh :.....



Aspek Ukuran	Deskripsi
Peperiksaan	Peningkatan keberhasilan pembelajaran murid melalui peperiksaan awam iaitu UPSR, PMR dan SPM mengikut sekolah masing-masing.
Near Miss Lulus	Peratus murid yang gagal satu mata pelajaran bagi peperiksaan awam yang akan diduduki.
Pencapaian Sukan dan Permainan	Peratus kehadiran murid dalam aktiviti sukan permainan, penyertaan dan pengiktirafan murid dalam aktiviti sukan dan permainan pada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
Pencapaian Kelab dan persatuan	Peratus kehadiran murid dalam aktiviti ko-akademik, penyertaan dan pengiktirafan murid dalam aktiviti ko-akademik pada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
Pencapaian Unit Beruniform	Peratus kehadiran murid dalam aktiviti unit beruniform, penyertaan dan pengiktirafan murid dalam aktiviti unit beruniform pada peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
Disiplin Murid	Disiplin murid diurus untuk membentuk sikap dan perlakuan positif murid. Peratus murid yang terlibat dalam salah laku.
Kehadiran Murid	Purata peratus kehadiran murid dalam tahun yang dinilai
Kehadiran Guru	Purata peratus kehadiran guru dalam tahun yang dinilai



4 elemen keberhasilan yang dinilai bagi pengetua dan guru besar iaitu:

Kurikulum – peperiksaan dan Near Miss Lulus

Kokurikulum – pencapaian sukan, persatuan dan unit beruniform

Sahsiah – disiplin dan kehadiran murid

Guru – kehadiran guru



Deskripsi kepada aspek ukuran ini merujuk kepada data sedia ada dalam ukuran gred purata dan peratus. Pengetua dan guru besar diberi autonomi untuk membuat sasaran berdasarkan keupayaan sekolah. Pengetua dan guru besar boleh menggunakan keupayaan sedia ada sebagai asas *take-off value* (TOV) dan kitaran semasa adalah pencapaian sekolah pada tahun yang dinilai.



1.0. KURIKULUM

1.1 Peperiksaan

A) Sekolah Rendah

Sekolah telah mencapai GPS 2.09 bagi UPSR tahun 2012 dan nilai ini adalah nilai kitaran terdahulu (KT). Guru besar akan membuat sasaran pencapaian UPSR mengikut keupayaan untuk tahun 2013 iaitu 1.5. Hasil keputusan UPSR tahun 2013, GPS diperolehi adalah 1.7 dan diisi di ruang kitaran semasa (KS)



B) Sekolah Menengah

Terdapat pelbagai jenis sekolah menengah di Malaysia maka pengetua di sekolah menengah perlu mengambil peperiksaan awam tertinggi antara SPM dan PMR untuk mengisi keberhasilan sekolah bukan pencapaian tertinggi. Keputusan SPM disiarkan pada bulan Mac 2014, Oleh itu, pencapaian peperiksaan percubaan SPM akan diambil kira untuk hasil peperiksaan SPM tahun 2013. Walaupun keputusan PMR disiarkan pada bulan Disember 2013 namun hasil ini tidak dapat diambil kira kerana sistem e-Prestasi akan ditutup pada akhir bulan November. Sekiranya sekolah mempunyai murid tingkatan 1 hingga 3 maka peperiksaan PMR diambil kira dan sekiranya sekolah mempunyai murid tingkatan 1 hingga 6 maka peperiksaan SPM diambil kira. Keputusan STPM adalah di bawah tanggungjawab penolong kanan tingkatan 6.



C) Sekolah yang mempunyai murid tingkatan 1 hingga 3 sahaja.

Pencapaian GPS bagi PMR sekolah A pada tahun 2012 adalah 3.11, maka nilai ini diisi sebagai nilai kitaran terdahulu (KT). Pada awal tahun 2013, pengetua akan membuat sasaran pencapaian PMR mengikut keupayaan iaitu 2.00. Oleh yang demikian, pencapaian peperiksaan percubaan PMR akan diambil kira untuk hasil peperiksaan PMR tahun 2013. Nilai yang diisi pada ruang kitaran semasa (KS) adalah 2.02 iaitu GPS peperiksaan percubaan PMR 2013.

D) Sekolah yang mempunyai murid tingkatan 1 hingga 5.

Pencapaian GPS bagi Peperiksaan akhir tahun tingkatan 4 pada tahun 2012 bagi sekolah adalah 4.06, maka nilai ini diisi sebagai nilai kitaran terdahulu (KT). Pada awal tahun 2013, pengetua akan membuat sasaran (S) pencapaian SPM mengikut keupayaan sekolah iaitu 3.50. Nilai yang diisi pada ruang kitaran semasa (KS) adalah 2.63 iaitu GPS peperiksaan percubaan SPM pada tahun 2013.



1.2. Murid gagal satu mata pelajaran

Aspek ini merujuk kepada peratus murid yang gagal satu mata pelajaran bagi peperiksaan awam yang akan diduduki. Pendekatan yang sama akan digunakan dengan peperiksaan awam iaitu mengukur prestasi dalam tahun semasa. Oleh yang demikian, bagi peperiksaan UPSR, peratus murid yang gagal satu mata pelajaran pada tahun 2012 digunakan sebagai ukuran KT dan peratus murid yang gagal satu mata pelajaran dalam keputusan UPSR sebenar tahun 2013 akan menjadi nilai KS. Peperiksaan PMR dan SPM, KT diisi berdasarkan peratus murid gagal satu mata pelajaran dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan 2 dan 4. **Sasaran akan ditentukan oleh pemimpin sekolah mengikut keupayaan sekolah.** KS adalah peratus murid gagal satu mata pelajaran dalam peperiksaan percubaan PMR dan SPM.



2.0 Kokurikulum

Pengiraan keberhasilan kokurikulum bagi pemimpin adalah berasaskan SKPM yang diadaptasi mengikut keperluan PBPPP .

Jadual 23: Contoh Gred Pencapaian Seorang Murid dalam Bidang Kokurikulum dan Sukan

Nama: _____	No. Kad Pengenalan: _____			
Tingkatan: _____	Jantina: _____			
Aspek Dinilai	Agihan Markah	Badan Beruniform	Kelab & Persatuan	Sukan & Permainan
Kehadiran	50	50	45	50
Penglibatan	20	15	15	13
Pencapaian	20	10	5	15
Jawatan Disandang	10	3	5	10
Jumlah Markah	100	78	70	88
Gred		B	B	A

Gred pencapaian murid

Gred yang diperoleh daripada setiap murid akan di simpan dalam rekod guru penasihat. Guru penasihat akan menghantar laporan kepada penolong kanan kokurikulum. Keseluruhan pencapaian murid akan di rekod oleh penolong kanan kokurikulum untuk melihat pencapaian keseluruhan setiap unit di bawah kawalannya. Penolong kanan bertanggungjawab untuk mengira purata bagi setiap satu iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan dan badan beruniform seperti rajah di atas.

Gred	Nilai Gred (x)	Bil. Murid (y)	Bil. Murid x Nilai Gred (xy)	Gred Purata Sekolah bagi Kelab dan Persatuan
A	1	150	150	$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{5450}{2000}$ $= 2.73$
B	2	600	1200	
C	3	950	2850	
D	4	250	1000	
E	5	50	250	
Jumlah		2000	5450	

Kiraan yang sama untuk:

- i. sukan dan permainan
- ii. unit beruniform

Pengiraan Gred purata

Pencapaian Sukan dan Permainan / Kelab dan persatuan / Unit Beruniform – 3.1, 3.2 & 3.3.

Pencapaian GPS bagi sukan dan permainan / Kelab dan persatuan / Unit Beruniform pada tahun 2012 bagi sekolah diisi dalam ruang nilai kitaran terdahulu (KT). Pada awal tahun 2013, pengetua akan membuat sasaran pencapaian sukan dan permainan / Kelab dan persatuan / Unit Beruniform mengikut keupayaan sekolah diisi dalam ruang sasaran dan dalam ruang kitaran semasa (KS) diisi berdasarkan pencapaian tahun 2013 dikira berasaskan rajah di atas.

3.0 Hal-Ehwal Murid

Pihak sekolah iaitu unit Hal-Ehwal murid dikehendaki mengisi sistem Sistem Salahlaku Disiplin Murid (SSDM) dan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Oleh itu, pengetua dan guru besar boleh menggunakan maklumat daripada sistem ini untuk mengisi instrumen keberhasilan sekolah.

3.1. Disiplin Murid

Disiplin murid merujuk kepada jumlah kesalahan disiplin atau salah laku terdapat di sekolah. Pencapaian peratus disiplin murid pada tahun 2012 bagi sekolah boleh diperolehi daripada sistem SSDM diisi dalam ruang nilai kitaran terdahulu (KT). Pada awal tahun 2013, pengetua akan membuat sasaran pencapaian disiplin murid mengikut keupayaan sekolah untuk diisi dalam ruang sasaran. Ruang kitaran semasa (KS) diisi berdasarkan pencapaian tahun 2013 daripada sistem SSDM.



3.2. Kehadiran Murid

Kehadiran murid adalah jumlah murid yang hadir ke sekolah. Pencapaian peratus kehadiran murid pada tahun 2012 bagi sekolah boleh diperolehi daripada sistem APDM diisi dalam ruang nilai kitaran terdahulu (KT). Pada awal tahun 2013, pengetua akan membuat sasaran pencapaian kehadiran murid mengikut keupayaan sekolah untuk diisi dalam ruang sasaran. Ruang kitaran semasa (KS) diisi berdasarkan pencapaian tahun 2013 daripada sistem APDM.

2	GPK HAL EHWAL MURID				
2.1	Disiplin Murid ² (SSDM)				1
2.2	Kehadiran Murid ² (APDM)				1
2.3	Sahsiah/Sikap dan Perlakuan/ Perlakuan Positif ²				1

4.0 Kehadiran Guru

Kehadiran guru adalah merujuk kepada kehadiran guru dalam sistem EMIS



Sekian

Terima Kasih